

Penjualan ladang Boustead di Sumatera baiki pendapatan

B/H 19/3/12. MS 3

RANCANGAN Boustead Holdings Bhd untuk menjual aktiviti perladangannya di Sumatera akan menyaksikan syarikat itu memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan lagi sumbangan sektor sama di Malaysia, kata Timbalan Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulannya, Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin.

Lodin berkata, penjualan ladang di Sumatera akan membantu memperbaiki pendapatan perladangan di Malaysia.

“Ladang di Sumatera mengheret turun sedikit pendapatan yang diraih oleh segmen perladangan kami memandangkan ia tidaklah begitu produktif seperti di Malaysia.

“Kami gembira dengan aktiviti perladangan di Malaysia tetapi kami percaya boleh buat lebih lagi untuk merealisasikan nilainya,” katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Lodin berkata, Boustead dijangka memuktamadkan jualan ladang sawitnya di Sumatera pada harga RM120 juta bulan ini atau April.

“Kami membuat pengu-

mulan kepada Bursa Ma-

laysia pada Januari tahun ini mengenai hasrat untuk menjual sektor perladangan itu. Dengan pelupusan ataupun penjualan itu, kami akan memberikan fokus kepada aktiviti perladangan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak,” kata Lodin.

Beliau berkata, Boustead akan mempunyai 84,000 hektar ladang sawit di Malaysia, iaitu sama keluasannya di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak selepas penjualan ladangnya di Sumatera.

Lodin berkata, antara cara untuk merealisasikan nilai perladangan kelapa sawit syarikat ialah melaksanakan penanaman semula pokok tua dengan menggunakan bahan penanaman yang dibekalkan oleh unit penyelidikan dan pembangunan syarikat.

Kaedah ini akan membolehkan syarikat mendapatkan pendapatan yang lebih baik dan tanaman yang bermutu serta lebih konsisten.

Beliau berkata, Boustead turut melaksanakan penanaman berkepadatan tinggi yang akan menyaksikan penanaman lebih banyak po-

kok di kawasan sedia ada dalam usaha menambah perolehan daripada sektor perladangan.

“Kami mempunyai kira-kira 130 batang pokok setiap hektar. Kini, kami mahu menambah kepada kira-kira 150 atau lebih. Kami akan menggunakan amalan agronomi dan baja yang lebih baik,” kata beliau.

Boustead juga, katanya, sedang dalam usaha memperbaiki sistem penuaian dengan menggantikan pekerja manual dengan pisau bermotor.

Beliau maklum yang kebanyakan aktiviti Boustead kini agak seiring dengan kawasan milik kerajaan dan syarikat berhasrat mendahului yang lain dari segi produktiviti.

Dengan usaha sedemikian, Lodin menyaksikan prestasi yang lebih kukuh daripada bahagian perladangan untuk tahun kewangan semasa.

“Kami menjangkakan sumbangan sama ataupun lebih baik daripada bahagian perladangan jika harga minyak sawit mentah kekal pada paras semasa ataupun sekitar RM3,200 setan,” kata beliau. — BERNAMA